

Qalam

KDN 1275

175 Shawwāl 1384, Februari 1965, 60 sen

Sempena Dalam Menyambut Aidil Fitri

Allāhu Akbar! Kita menyambut sempena Hari Raya Aidil Fitri tahun 1384 ini dengan mengucapkan terlebih dahulu ucapan *mina al-‘ā’idīni al-fā’izīni al-maqbūlīn* kepada sekalian pembaca-pembaca dan peminat-peminat majalah ini khasnya dan pembaca penerbitan-penerbitan Qalam amnya serta sekalian kaum Muslimin dengan doa semoga Allah panjangkan usia sihat afiat, aman dan makmur serta aman di dalam iman yang berkekalan sehingga dapat tiap-tiap kita mengucap *husn al-khātimah* di dalam akhir hayat kita kelak amin.

Allāhu Akbar! Di dalam kita menyambut Hari Raya

tahun ini keadaan negara kita adalah di dalam keadaan

darurat yang terbit daripada perbuatan jiran kita

Indonesia dengan konfrontasinya dan dengan itu maka

kesejahteraan dan keamanan negara kita adalah sentiasa

terancam dan terugat¹ dan adalah kita sentiasa terasa-rasa

bawaha kita akan ditimpa oleh serangan musuh

kita dari luar dan tidak kurang pula kelak daripadanya

munafik-munafik yang berkeliaran di tanah air kita ini akan bekerja

melumpuhkan kedudukan kita dari dalam bagi

mencari maslahat dan faedah mereka sendiri dengan melupakan tanggungjawabnya kepada negara tempat tumpah darahnya yang mewajibkan tiap-tiap seorang daripada umatnya berkorban dengan sepenuh-penuh pengorbanan bagi menyelamatkan tanah air kita daripada hancur binasa diperkosa oleh musuh-musuh kita.

Allāhu Akbar! Di dalam menghadapi suasana yang seperti ini pihak kerajaan yang bertanggungjawab hendaklah bergerak menghadapi musuh-musuh itu terutamanya musuh dari dalam yang sentiasa mengeluarkan suara-suara yang lantang untuk memecahkan perpaduan umat di Malaysia kerana maslahat partinya dan kepada golongan ini seyogialah langkah-langkah yang tegas mesti dilakukan dengan tidak segan-segan lagi, selagi gerakan itu baru bertunas dan mudah untuk dipatah.


Allāhu Akbar! Kita sendiri melihat bahawa ada golongan-golongan yang mengatakan perjuangannya tidak berbau perkauman tetapi di dalam amalan dan perbuatan yang dilakukan mereka, di dalam menghadapi orang Melayu yang beragama Islam maka perkauman itulah yang diutamakan di dalam mana kita melihat dan mengetahui sendiri bahawa di dalam suara dan mulut mereka mengatakan bahawa mereka akan menolong orang Melayu, terutamanya di Singapura ini tetapi amalannya adalah tiap-tiap suatu yang bermanfaat buat Melayu dilakukan hanya melepaskan batuk di tangga dan kalau ada permintaan untuk Melayu, umpamanya, diberilah kepada mereka di tempat-tempat atau dengan barang-barang sengaja dilakukan untuk memberatkan mereka sehingga mereka tidak berupaya menerima apa yang diberikan itu. Tetapi jika yang meminta itu daripada bangsa mereka sendiri, mereka ada mendapat kemudahan

¹ Perkataan sebenar ialah tergugat.

dan kesenangan yang sangat menyenangkan hati bangsanya. Inilah penanggungan yang diderita oleh umat Islam yang menjadi umat yang kecil di dalam satu-satu negeri.

Allāhu Akbar! Di dalam Ramaḍān *al-Mubārak* yang lalu tersiar berita dan gambar-gambarnya sekali, di surat khabar-surat khabar, radio dan televisyen, akan berita-berita bahawa kerajaan Singapura di dalam beberapa daerah telah menyampaikan hadiah-hadiah untuk digunakan bagi masjid-masjid untuk berbuka puasa dan demikian juga di daerah, di sekeliling pulau Singapura ini yang banyak penduduknya orang Islam. Ini seolah-olah menunjukkan akan jasa baik pihak pemerintah kepada umat Islam dan boleh jadi ditujukan untuk menarik hati umat Islam di Singapura tetapi juga lain-lain daerah di Malaysia ini. Mereka seolah-olah berkata lihat bagaimana kerajaan “PETIR” berbuat baik kepada umat Islam di dalam menyambut bulan yang berbahagia ini yang di dalamnya umat Islam digalakkan beramal soleh, khusyuk dan tawaduk dalam melaksanakan agamanya dan digalakkan berjemaah di antara mereka sesama mereka.

Allāhu Akbar! Tetapi pegawai-pegawai yang mengelola yang menyampaikan pemberian-pemberian itu adalah bukan daripada peruntukan kerajaan, tetapi daripada apa yang zahir yang dapat kita pandang bahawa hadiah-hadiah itu mungkin dari Lee Foundation dan juga barang-barang daripada jemaah Kristian yang diberikan kepada umum lalu disampaikan kepada umat Islam yang sedang membersihkan diri dengan berpuasa dengan hadiah-hadiah makanan dari umat Kristian di dalam waktu berbuka itu.



Tengku Abdul Rahman Putra membuka Peraduan Bacaan al-Qur’ān yang diadakan di Kuala Lumpur baharu-baharu ini. Gambar diambil di hadapan pentas peraduan itu (Gambar Dewan).

Allāhu Akbar! Aduhai alangkah pedihnya kelakuan dan perbuatan yang dilakukan itu. Umat Islam tentu terasa bahawa tidak adakah perkara yang suci yang diberikan kepadanya di dalam masa mereka menghilangkan dahaga dan lapar kerana berpuasa kerana seolah-olah tidak ada benda yang akan dapat melepaskan lapar dan dahaga selain daripada bantuan yang berasal daripada golongan lain yang sentiasa menentang dan berusaha untuk meruntuhkan Islam? *Lā ḥawla wa lā quwwata illā biLlāhi al-‘aliyyi al-‘azīm.*

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, adakah tergamak seorang umat Islam yang mengaku beragama Islam akan menipu umat Islam kerana ia diperalat untuk melaksanakan sesuatu yang tidak diingini oleh umat Islam?

Adakah umat Islam akan membiarkan kepada perbuatan-perbuatan orang-orang yang diperalat itu menggunakan barang-barang, dijadikan sebagai hadiah untuk mengabui umat Islam supaya cenderung kepada kedudukan dan kepada pertubuhan mereka dengan memperalatkan kebaikan kepada agama untuk menyampaikan maslahat-maslahat mereka. Umat Islam waspadalah!

* * *

Allāhu Akbar! Di dalam beberapa tahun Persekutuan Tanah Melayu diadakan peraduan Qur'an di antara negeri-negeri dan di antara negara-negara yang diundang untuk merebut Kejohanan Bacaan al-Qur'an.

Di antara yang mengambil bahagian ialah qari-qari dan qariah-qariah dari seluruh daerah itu. Peraduan ini adalah dengan cita-cita dan tujuan-tujuan yang baik yang ditaja oleh Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Tentunya dalam tujuannya sangatlah baik nisbah kepada pandangan dan cita-cita beliau sendiri.

Di dalam ucapan beliau zahir bahawa beliau sangat gemar atas apa yang telah dilakukannya dan di dalam hati kecil beliau, sebagai seorang Islam zahir bahawa beliau berkemahan bagi menyeru umat berbalik kepada ajaran al-Qur'an iaitu suatu cita-cita dan ajaran yang sangat mulia dan itulah suatu perkara yang menjadi tugas terhadap umat Islam untuk melaksanakannya.

Allāhu Akbar! Cita-cita apabila tinggal di dalam cita-cita tidaklah membawa faedah tetapi cita-cita yang berfaedah itu diamal dan dilaksanakan. Pelaksanaan itu tidak akan dapat dilakukan dengan sekali gus tetapi dengan perlahan-lahan dan sebab itulah kita berharap kepada Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman mulai dari sekarang beramal dan melaksanakan tugas yang lebih tegas di atas dasar al-Qur'an dan al-hadīth yang dapat dilaksanakan bagi membendung umat tidak terjauh daripada Islam dan tidak dikacau oleh agama-agama lain yang semakin berurat berakar di tanah air kita ini dengan berusaha sedapat-dapatnya memalingkan umat Islam terutamanya pemuda-pemudanya daripada kecenderungan atas agamanya.

Allāhu Akbar! Di dalam setahun yang sudah kita mendengar beberapa banyak orang-orang yang telah diislamkan telah jadi murtad. Banyak peristiwa-peristiwa yang mendukacitakan telah berlaku di dalam mana ada yang murtad. Tidak kurang banyak kejahilan-kejahilan dalam agama bermaharajalela sehingga menjadikan setengah-setengah golongan nama saja beragama Islam, beribu bapa Islam tetapi hakikatnya mereka tidak mengetahui langsung selok-belok Islam. Kita bersyukur atas langkah yang dilakukan oleh kerajaan pusat mewajibkan pelajaran Islam kepada tiap-tiap umat Islam di sekolah-sekolah tetapi janganlah hendaknya pelajaran itu sebagai suatu pelajaran sambil lalu dan hendaklah pula diberi masa-masanya yang sesuai. Tidak itu saja, Yang Teramat Mulia Tengku sebagai Ketua Negara yang bercita-cita berbalik kepada *Kitāb Allāh* dan *al-sunnah* itu memikirkan dan memerhatikan perkembangan kitab-kitab agama sendiri yang sangat-sangat tidak memuaskan dan tidak dapat menarik umat kepada mempelajari dengan wajarnya



Sultan Pahang sedang dialu-alukan kedatangannya oleh penuntut-penuntut perempuan Madrasah Dong, Raub, Pahang semasa baginda melawat ke madrasah tersebut tidak berapa dulu.

akan pelajaran-pelajaran agama yang dipeluknya. Sewajibnya Yang Teramat

Allāhu Akbar! Berbalik kepada perpaduan Qur'an yang

Mulia Tengku memandang bahawa perkara mengadakan kitab-kitab

dianjurkan oleh Tengku dengan cita-citanya yang mulia itu,

agama yang luas mestilah terlaksana dengan seberapa cepat

kita suka berkata-kata sedikit, untuk faedah dan

yang mungkin di dalam kita menghadapi perkembangan

kebaikan seluruh umat Islam di dalam hal ini.

Kristian yang semakin membesar di tanah air kita ini.

Kita bersyukur atas usaha-usaha yang dijalankan oleh

Yang Teramat Mulia Tengku hendaklah menggalakkan penerbitan-penerbitan

pentadbirnya yang cergas dan bersungguh-sungguh, terutamanya

agama kepada jalan ini memberi bantuan-bantuan supaya Islam

bagi pelaksanaannya² tahun ini. Yang kita mengharap

tersebar dengan jati dan luasnya kepada umat Islam

ialah supaya di dalam kita mencari keyakinan itu

dan percayalah bahawa jalan ini akan menjadi kenangan

seberapa dapat kita berusaha menjauhkan keburukannya

sepanjang masa dan *in shā'a Allāh* Tuhan akan memberkati

yang boleh timbul kepadanya iaitu di dalam mengadakan tempat-tempat

ini sekiranya Yang Teramat Mulia Tengku melaksanakannya.

khas bagi penonton-penonton wanita dan menentukan pakaian

* * *

khas, menutup aurat bagi peserta-peserta wanita kerana

² Perkataan sebenar ialah pelaksanaannya.

jika ini tidak dikawal mungkin menimbulkan perasaan tidak senang bagi segolongan besar umat Islam yang lebih mengutamakan akhlak, apalagi di dalam masa membaca kitab suci al-Qur'an di hadapan ramai. Semoga tahun hadapan kita berharap dapatlah kiranya diadakan susunan yang lebih rapi dalam menjaga himpunan di antara lelaki dengan perempuan supaya akhlak Islam terkawal dan perkara yang berbencana itu tidak menjadi sebab ada teguran daripada umat yang mengutamakan "menjauhkan mudarat lebih utama daripada mengambil manfaat".

Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar

Allāhu Akbar wa li'Llāhi al-hamد!

* * *

Lee Kuan Yew Dengan Perkataan "Saudara"

Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew telah membidas wartawan-wartawan radio dan lainnya tatkala mengadakan temuramah dengan tawanan-tawanan Indonesia menyebut panggilan "saudara" kepada mereka.

Menurutnya, perkataan itu adalah sebagai suatu kehormatan, dan tidak selayaknya musuh itu mendapat kehormatan perkataan seperti yang demikian. Sebaliknya Lee Kuan Yew tidak pula menyatakan apakah perkataan yang patut dilafazkan kepada tawanan-tawanan Indonesia itu.

Tidak pula diketahui adakah Lee Kuan Yew telah menunjukkan yang ia telah masak dengan soal pengertian bahasa Melayu dan tidak pula ia menyatakan apakah perkataan "saudara" diertikan hanya dengan satu makna dari satu aliran atau ada beberapa makna daripada beberapa aliran.

Tidak pula diketahui adakah Lee Kuan Yew berasa cemburu apabila orang Malaysia menggunakan perkataan "saudara" kepada orang Indonesia yang boleh jadi diertikannya saudara itu dengan perkataan "brothers" di dalam bahasa Inggeris yang menjadikan boleh merapatkan dan mengikat persaudaraan di antara orang-orang Melayu dengan Indonesia yang memang sedarah daging itu.

Tidak juga diketahui adakah Lee Kuan Yew sengaja untuk mencari jalan memecahkan erti-erti bahasa dengan mengambil sempena siasah bagi menunjukkan bahwasanya ia seorang yang sangat menyelidik di dalam bahasa dan sangat tegas kepada orang-orang tawanan (musuh).

Barangkali Lee Kuan Yew tidak menyelami akan tabiat orang Melayu yang beragama Islam yang menghendaki bahawa terhadap musuh tidak boleh dilakukan dengan penganiayaan sama ada penganiayaan mengenai batin apalagi mengenai diri. Lihat sahaja bahawa Pejabat Agama Johor telah memberi peruntukan untuk membantu orang-orang tawanan itu dengan memberikan bantuan Hari Raya sebagai menunjukkan kewajipan atas orang Islam mesti berbuat baik walaupun kepada musuhnya apalagi permusuhan itu bukan permusuhan peribadi tetapi permusuhan di antara negara dengan negara.

Sebaliknya dipandang daripada pengertian bahasa maka perkataan "saudara" itu ada berbagai-bagai ertiinya "saudara" itu bukan sahaja bermakna "brothers" tetapi pada suatu masa diertikan juga sebagai erti perkataan "comrade". Di Indonesia perkataan "saudara" itu bermakna "awak", "tuan",